

Ringgit jatuh paling rendah dalam 3 minggu selepas 1MDB muncul kembali
Free Malaysia Today
Julai 21, 2016
Reuters

Ringgit jatuh 0.6% ke 4.0540 sedolar AS. Nilai saham di Kuala Lumpur dan bon kerajaan Malaysia turut menggelongsor.

SINGAPURA: Ringgit Malaysia jatuh pada paras paling rendah dalam tempoh tiga minggu dikala skandal dana milik kerajaan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) memperbaharui kebimbangan, berbanding matawang Asia lain yang lega ketika dolar (AS) teguh bertahan.

Ringgit jatuh 0.6% ke 4.0540 sedolar AS, terendah sejak 29 Jun.

Nilai saham di Kuala Lumpur dan bon kerajaan Malaysia turut menggelongsor.

Ia berlaku ketika pihak berkuasa Singapura merampas aset-aset bernilai S\$240 juta (RM717 juta) dalam siasatannya ke atas aliran dana berkait 1MDB untuk mencari kemungkinan berlakunya aktiviti pengubahan wang, selepas penyiasatan menemui "kekurangan" di beberapa bank utama di negara pulau itu.

Pendakwaraya Amerika Syarikat semalam memfailkan saman merampas aset bernilai lebih AS\$1 bilion (RM4 bilion) yang mereka kaitkan dengan wang yang dilesapkan daripada 1MDB, syarikat yang diselia Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Antara lain, Jabatan Kehakiman AS mendakwa sebahagian wang digunakan untuk membiaya filem "The Wolf of Wall Street" terbitan sebuah syarikat Hollywood diketuai anak tiri Najib, Riza Aziz, dan untuk membeli hartanah dan karya-karya seni.

"AS cuba memusnahkan sesuatu. Langkah itu pasti menjejaskan Ringgit," kata Andy Ji, pakar strategi matawang Asia di Bank Commonwealth Australia di Singapura.

Ringgit menunjukkan prestasi paling buruk tahun lalu berbanding matawang Asia lain dengan kerugian hampir 20% berbanding dolar AS.

Ji menyarankan ringgit dijual untuk rupiah Indonesia, dan menambah "melihat kepada isu 1MDB ini, bermain dengan nilai relatif nampaknya akan memberi pulangan."

Rupiah menunjukkan prestasi kedua terbaik setakat ini dalam kalangan matawang Asia tahun ini.

Pelabur terpicat dengan salah satu daripada pulangan tertinggi di rantau ini dan juga program pengampunan cukai di Indonesia, yang dijangka akan memperbaiki keseimbangan fiskalnya.

Ringgit meninggalkan matawang Indonesia tahun ini apabila pelabur membuat pertaruhan berdasarkan harga minyak yang semakin stabil dan rangsangan ekonomi sejagat yang mereka jangkakan.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/07/21/ringgit-jatuh-paling-rendah-dalam-3-minggu-selepas-1mdb-muncul-kembali/>